

Soalan No: 50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]

TARIKH : 14.3.2018 (RABU)

SOALAN :

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah jangka masa panjang serta mekanisme yang dijalankan oleh Kementerian dalam usaha menyelesaikan isu beg sekolah berat yang dihadapi oleh murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dapatan Kajian Berat Beg Murid Sekolah Rendah pada tahun 2017 menunjukkan bahawa sebanyak 72 peratus berat beg disumbangkan oleh bahan-bahan lain seperti botol air, bekas makanan, alat tulis yang melebihi keperluan, buku latihan, buku kerja, buku komik, buku yang tidak mematuhi jadual, dan berat beg kosong itu sendiri. Manakala buku teks dan buku aktiviti hanya menyumbang sebanyak 28 peratus daripada keseluruhan berat beg tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian tersebut telah mencadangkan pelan tindakan pencegahan dan penambahbaikan seperti berikut:

- 113
- i. Penguatkuasaan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI)/Surat Siaran sedia ada, iaitu:
 - a. SPI Bil.10/1993: Penggunaan Buku Kerja di Sekolah.
 - b. SPI Bil.10/1995: Pelaksanaan Jadual Waktu Anjal bagi Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.
 - c. Surat Siaran KPM Bil.12/1999: Penggunaan Buku Teks dan Buku Latihan dan Aktiviti yang Diperakukan oleh KPM.
 - d. Surat Siaran KPM Bil.14/2014: Panduan Penggunaan Buku Kerja di Sekolah.
 - ii. Garis Panduan untuk guru, ibu bapa, murid dan sekolah.
 - iii. Melaksanakan pelan komunikasi kepada orang awam melalui pelbagai media dan kerjasama semua pihak berkepentingan.
 - iv. Memperkenalkan buku teks digital.